

Golden Dream Wheel Meningkatkan Kehadiran dan Kefahaman Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Intan Norzira binti Tormudzi

Sekolah Menengah Kebangsaan Air Molek, Melaka
intannorziratormudzi@gmail.com

ABSTRAK

Golden Dream Wheel (GDW) ialah sistem ganjaran atau token ekonomi yang digunakan bagi menggalakkan murid untuk hadir ke sekolah. GDW digunakan bagi mengubah tingkahlaku yang tidak diingini serta menarik minat murid mengikuti kelas sekaligus meningkatkan kefahaman murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Golden Dream Wheel merupakan amalan terbaik yang telah dilaksanakan oleh pengamal (guru). Murid akan diberi markah bagi setiap kali hadir ke sekolah dan markah juga akan diberikan bagi setiap tugas yang dibuat dan jawapan yang betul bagi kuiz yang diberikan. Markah akan direkodkan dalam GDW untuk dikumpulkan bagi satu tempoh masa. Markah yang dikumpulkan akan ditukar kepada bahan maujud yang disukai murid seperti wang ringgit, alat tulis, makanan dan lain-lain yang dipersetujui oleh murid dan guru. Dengan menggunakan amalan baik ini, murid sentiasa memberikan fokus pada sesi pembelajaran bagi membolehkan mereka mendapat markah yang boleh ditukar dengan ganjaran. GDW bertujuan untuk untuk meningkatkan kehadiran murid sekaligus dapat meningkatkan kefahaman murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc). Melalui amalan terbaik ini, peratus kehadiran murid meningkat dan dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap pelajaran yang diajar. Golden Dream Wheel yang dihasilkan ini merupakan satu nilai tambah dalam membantu meningkatkan peratus kehadiran murid, serta meningkatkan kefahaman murid. Diharap amalan terbaik ini dapat membantu guru-guru pendidikan khas dalam menangani masalah ketidakhadiran murid ke sekolah.

Kata kunci : Golden Dream Wheel, Token Ekonomi, Ganjaran, Kehadiran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Pengenalan Amalan Terbaik

Semasa sesi PdPC saya menggunakan buku ganjaran bagi menarik minat murid mengikuti kelas saya dan ini sentiasa menjadi amalan dalam PdPC sebelum era pandemik COVID 19. Konsep ini juga telah menjadi pemangkin keberkesanan PdPR semasa pandemik ini. Setiap murid mempunyai buku ganjaran untuk merekodkan markah yang diperolehi. Semasa PdPC buku ganjaran sememangnya membantu guru dalam menarik minat murid mengikuti kelas serta hadir ke sekolah. Murid juga akan sentiasa memberikan fokus pada sesi pembelajaran bagi membolehkan mereka mendapat markah yang boleh ditebus sebagai hadiah. Pada sesi Proses Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPR) pula saya dapati murid kurang mengikuti pembelajaran serta tidak minat membuat latihan yang diberikan. Maka saya

menggunakan buku ganjaran yang telah ditukar kepada GDW dalam tempoh PdPR dan menjadikan ianya ke dalam bentuk digital.

Hadiyah yang lebih menarik ditawarkan bagi yang mengikuti kelas serta yang dapat menjawab soalan serta membuat tugas yang diberikan. Dengan menggunakan GDW ini, murid lebih gembira dan teruja mengikuti kelas PdPR. Semakin ramai yang mengikuti kelas semasa PdPR kerana mereka ingin mengumpulkan markah bagi mendapatkan ganjaran. Saya akan menunjukkan bagaimana GDW digunakan di dalam kelas semasa PdPR. Mengurus tingkah laku murid adalah bidang yang menjadi keutamaan kepada para pendidik kerana tingkah laku murid memberi kesan kepada persekitaran pembelajaran yang positif. Membangunkan kedua-dua kemahiran akademik dan tingkah laku positif penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan yang efektif.

Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab seorang pendidik untuk melahirkan seorang murid yang berdisiplin, berpekerti mulia dan bertanggungjawab. Ini adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu untuk melahirkan modal insan yang syumul dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Sabilah Wahab (2006) menyatakan bahawa terdapat segolongan murid yang dilabelkan murid istimewa atau khas. Murid ini sebenarnya juga mempunyai keistimewaan seperti murid lain tetapi mereka sering dilihat lemah, mundur atau lembam. Murid ini sebenarnya perlu diberi perhatian dan galakan supaya dapat memberi sumbangan kepada negara sebagaimana murid normal yang lain. Manakala Abdul Ghani Abdullah dan Abd. Rahman Abd Aziz (2009) menyatakan cara membangunkan ciri kepimpinan dan jati diri murid supaya menjadi nilai kawalan diri yang lebih baik adalah dengan memberi penekanan kepada aspek kemanusiaan.

Aspek kemanusiaan dapat mengalakkan proses membina insan, melatih dan membimbing murid supaya menjadi lebih bertanggungjawab tanpa paksaan. Pendidik khasnya guru Pendidikan khas perlu kreatif dan kritis dalam memilih penggunaan kaedah yang bersesuaian untuk mengatasi masalah-masalah tingkah laku murid Pendidikan khas yang amnya mempunyai pelbagai ragam dan kategori. Maka, pengkaji telah memilih sistem ‘Token Ekonomi’ yang dirasakan bersesuaian untuk mengurangkan tingkah laku bermasalah subjek iaitu tidak suka hadir atau tidak berminat untuk hadir ke sekolah.

Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik

Pengubahan tingkah laku (*behaviour modification*) merupakan sebahagiannya dari intervensi yang besar pengaruhnya dalam praktik pekerjaan sosial. Hal ini kerana perilaku manusia merupakan sesuatu yang kompleks, dan perilaku manusia pada dasarnya ialah refleksi dari berbagai gejala kejiwaan seperti pengetahuan, persepsi, minat, keinginan dan sikap. Hal-hal yang mempengaruhi perilaku seseorang dan sebahagiannya lagi terletak dalam diri individu sendiri yang disebut juga faktor dalam sebahagian lagi terletak di luar dirinya atau disebut dengan faktor luaran iaitu faktor lingkungan. Oleh sebab itu untuk mengubah perilaku manusia pelbagai strategi dan teknik yang sesuai digunakan dengan pendekatan dan teori perilaku manusia

(Fahrudin, 1997). Salah satu teknik yang biasa digunakan dalam pengubahan perilaku manusia berdasarkan pendekatan *behaviorism* adalah teknik ekonomi token (*Token Economy Technique*).

Saya mengenalpasti punca-punca yang mendorong pelaksanaan kajian dan inovasi ini adalah seperti berikut:



- 1.1 Murid kurang berminat untuk mengikuti kelas atau hadir ke kelas
- 1.2 Murid kurang memberikan minat untuk belajar
- 1.3 Murid kurang memberikan fokus pada pengajaran yang diberikan

Objektif Pelaksanaan

Objektif pelaksanaan amalan terbaik ini ialah:

1. Menjadikan sesi pembelajaran lebih menarik
2. Menjadi pemangkin semangat kepada murid untuk mengikuti sesi pembelajaran
3. Meningkatkan kefahaman murid pada matapelajaran yang diajar
4. Meningkatkan peratus kehadiran murid ke kelas dan sesi pembelajaran

Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

 		 
Gambar buku Reward	GDW menggunakan perisian PowerPoint	

Langkah 1: Mengenalpasti Tingkah Laku

- Guru mengenalpasti tingkah laku yang tidak diingini.
- Guru membuat catatan mengenai masalah yang dihadapi oleh murid
- Murid tidak minat untuk mengikuti kelas PdPC dan PdPR

Langkah 2: Intervensi: Cara Menggunakan GDW (Mendapatkan Markah)

- Hadir setiap kelas akan mendapat markah dan akan direkodkan.
- Markah akan dikumpul sehingga jangka waktu yang telah ditetapkan.
- Markah akan bertambah jika murid dapat menjawab soalan dan membuat tugas.
- Markah akan diberikan berdasarkan pusingan pada roda.

Langkah 3: Mengumpul dan Merekod Markah

- Guru akan menyimpan markah setiap hari pada GDW dan akan menambah dari masa ke semasa dan memberitahu kepada semua murid agar murid lain mendapat semangat untuk mengumpul markah lebih banyak lagi.
- Guru akan merekodkan markah yang diperoleh bagi setiap murid.

Langkah 4: Penyampaian Ganjaran

- Guru menyampaikan ganjaran kepada murid yang mendapat markah yang paling tinggi.



Pemberian ganjaran kepada murid yang berjaya mengumpul markah yang tinggi.

Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Dalam kajian ini, saya telah menganalisis data-data yang dikumpul dalam bentuk deskriptif dan kuantitatif. Data deskriptif digunakan bagi kaedah temu bual dan pemerhatian penglibatan aktif murid semasa menjawab soalan kuiz. Manakala data kuantitatif digunakan bagi data dokumen rekod kehadiran murid seperti membahagikan bilangan kehadiran murid dengan jumlah sesi PdPR dan darab dengan 100 peratus (%). Bagi analisis data kuantitatif hasil lembaran kerja, saya telah menggunakan rekod jumlah murid yang menghantar tugas dan membahagikan dengan jumlah tugas yang telah di beri. Ketiga-tiga kaedah ini diteliti dengan analisis kandungan. Setelah membuat pemerhatian pada sesi intervensi, saya telah mengisikan item dalam senarai semak dengan serta merta.

Selain itu, setelah menemu bual murid, saya telah menghasilkan transkrip temu bual bagi menganaliskan data secara deskriptif. Temu bual bersama-sama murid telah memberikan suatu gambaran terhadap intervensi yang telah dilaksanakan oleh saya secara teliti. Saya juga menggunakan hasil data yang telah direkodkan sebelum dan selepas tindakan untuk menganalisis data kuantitatif kajian ini bertujuan menilai dan menentukan jumlah kehadiran murid.

Dapatan terhadap kajian ini, dilakukan dengan melihat prestasi kehadiran murid semasa PdPR. Jadual 1 menunjukkan peningkatan kehadiran murid ke kelas PdPR yang telah dicatatkan sebelum intervensi, semasa dan selepas intervensi diperkenalkan.

Jadual 1
Peratus Kehadiran Murid ke Sesi PdPR

Minggu	Data Sebelum		Data Intervensi		Data Selepas	
	M1	M2	M3	M4	M5	M6
Peratus (%)	30	21	40	60	70	90

Satu senarai semak maklumbalas murid terhadap pelaksanaan GDW telah dilaksanakan. Jadual 2 menunjukkan hasil dapatan daripada maklumbalas murid. Hasil dapatan mendapati semua murid yang terlibat sangat gembira dan seronok menggunakan GDW.

Jadual 2
Senarai Semak Maklum Balas Murid

BIL	ITEM	YA	TIDAK
1	Saya suka belajar menggunakan Golden Dream Wheel	7	0
2	Saya seronok belajar dan mendapat hadiah	7	0
3	Saya suka masuk ke kelas Cikgu Intan	7	0

Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, dapat di rumuskan bahawa pendekatan yang digunakan berhasil mengubah sikap yang negatif kepada lebih positif. Ini membuktikan bahawa Golden Dream Wheel merupakan salah satu teknik yang mampu memberikan kesan dan memberi motivasi kepada murid sekiranya ia dilaksanakan sesuai dengan masalah yang hendak diselesaikan. Kaedah ini mestilah disusuli dengan peneguhan positif. Maka, tidak menjadi kesalahan kepada seorang guru untuk menggunakan cara tersebut sebagai jalan penyelesaian kepada sikap yang negatif. Selain daripada itu, dalam konsep pemberian ganjaran dan hukuman oleh Thorndike (1874-1949) dan Skinner (1904-1990) telah dibincangkan dalam sains kelakuan sebagai aktiviti pengukuhan dalam pembelajaran. Selain itu, terdapat beberapa perkara lain yang mesti dilaksanakan supaya murid sentiasa bersemangat dan bermotivasi untuk hadir ke kelas, diantaranya ialah:

1. Menjalankan aktiviti gamifikasi yang menarik
2. Menjadikan kelas PdPR menarik dengan kuiz-kuiz mudah
3. Menyediakan projek- projek yang menarik
4. Sentiasa memberikan motivasi dan perangsang kepada murid.

Rujukan

- Jenson, W. R., Sloane, H., & Young, R. (1988). Token economies. *Applied behavior analysis in education: A structured teaching approach*. New York:
- Mohd Fadli Mustafa Kamal, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Mohd Mokhtar Tahar. 2016. Penggunaan Teknik Peneguhan bagi Mengatasi Masalah Tingkah Laku Hiperaktif. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara Siri Ke-6, 2016*, hlmn. 159 165..
- Purwanta, Edi. 2012. *Modifikasi Perilaku Anak Berkebutuhan Khusus*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Supiah Saad (2003). Malaysian Preschool Children with ADHD in Inclusive Settings. PhD thesis. University of Warwick. Unprinted. View publication
- Zalizan Mohd Jelas, 2009. *Pendidikan Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia